

KELAS BITARA ULANG KAJI SEJARAH: LATIH TUBI

KERTAS 1

Jawab soalan-soalan objektif di bawah ini.

1. Kesultanan Melayu Melaka mewarisi ciri-ciri negara bangsa daripada

- A Kerajaan Srivijaya.
- B Kerajaan Majapahit.
- C Kerajaan Kedah Tua.
- D Kerajaan Johor Riau.

2. Apakah sistem pentadbiran yang diamalkan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?

- A Sistem Pembesar Tempatan
- B Sistem Pembesar Empat Lipatan
- C Sistem Pentadbiran Melayu Melaka
- D Sistem Pembesar Enam Belas Lipatan

3. Apakah yang dimaksudkan dengan nasionalisme?

- A Perasaan yang membenci penjajah
- B Semangat berjuang tinggi untuk mencapai matlamat
- C Perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa dan negara
- D Perjuangan menentang penjajah dengan pelbagai cara

4. Apakah isu yang digunakan oleh Persatuan Belia Buddha untuk mengekalkan tradisi Burma (Myanmar)?

- A Isu baju
- B Isu kasut
- C Isu kesihatan
- D Isu kebajikan

5. Apakah faktor-faktor kemunculan nasionalisme pada abad ke-20 di Tanah Melayu?

- I Sistem pendidikan
- II Peranan agama
- III Sistem sosial
- IV Karya asing

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6. Apakah iktibar yang boleh diperolehi daripada kebangkitan nasionalisme?

- A Mengalah apabila dikuasai penjajah dengan menurut pemerintahan penjajah
- B Membentuk jati diri bagi sebuah negara dan bangsa yang merdeka
- C Memastikan nasionalisme dicapai melalui pertumpahan darah
- D Mengadakan tindakan menentang demi kepentingan sendiri

7. Perang Dunia Pertama tercetus pada tahun 1914. Apakah faktor yang menyebabkan perang tersebut berlaku?

- A Pearl Harbour dibom
- B Wilayah Jerman diceroboh
- C Perancis bersekutu dengan Rusia
- D Putera Mahkota Austria-Hungary dibunuh

8. Apakah prinsip utama Deklarasi 14 Perkara Woodrow Wilson yang diperkenalkan dalam Persidangan Damai Paris pada 18 Januari 1919?

- A Menamatkan segala bentuk imperialisme Barat
- B Menjanjikan kebebasan semua bangsa di dunia
- C Menentukan nasib negara oleh rakyat sendiri
- D Menentukan sempadan negara sendiri

9. Perjanjian Versailles ditandatangani antara Jerman dengan Pakatan Bertiga. Apakah tindakan Jerman yang bertentangan perjanjian tersebut?

- I Menguasai semula tanah jajahan yang dirampas
- II Memulakan program pemodenan negara
- III Menyerang negara Pakatan Bertiga
- IV Membina semula angkatan tentera

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10. Maklumat berikut merujuk slogan yang menjadi propaganda Jepun dalam menjayakan dasar perluasan kuasanya.

- Semangat Asia
- Asia untuk Asia

Apakah tujuan slogan tersebut?

- A Mencetuskan semangat membenci penjajah
- B Menjadi tentera Jepun menentang kuasa Barat
- C Mencerminkan imej Jepun pencetus peperangan
- D Menggalakkan penduduk tempatan memberontak

11. Apakah matlamat British Military Administration diperkenalkan di Tanah Melayu?

- A Memulihkan keamanan Tanah Melayu
- B Menghapuskan Parti Komunis Melayu
- C Menghapuskan tali barut Jepun
- D Mengukuhkan ekonomi British

12. Apakah matlamat British memperkenalkan Malayan Union di Tanah Melayu?

- A Mengurangkan kemasukan orang dagang
- B Menghapuskan negara dan bangsa Melayu
- C Menyekat pengaruh dan campur tangan luar
- D Mendapatkan sokongan penduduk tempatan

13. Mengapakah British ingin menguasai Sarawak?

- A Menguasai jalan perdagangan antarabangsa
- B Menguasai kekayaan hasil bumi Sarawak
- C Menjadikan Sarawak pangkalan tentera
- D Menjamin kepentingan pemodal Cina

14. Mengapakah penduduk tempatan Sabah kurang melibatkan diri dalam bidang pentadbiran?

- A Kurang berminat dalam pentadbiran Sabah
- B Dasar British yang menindas penduduk Sabah
- C Kurang pengalaman dalam sistem birokrasi Barat
- D Dasar British menghadkan peluang dalam ekonomi

15. Mengapakah British bersetuju menubuhkan institusi Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948?

- A Kegagalan Malayan Union
- B Kesan desakan orang Melayu
- C Persediaan ke arah bekerajaan sendiri
- D Bersimpati dengan nasib orang Melayu

16. Mengapakah Raja-Raja Melayu dan orang Melayu menerima baik Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- I Memulihkan status Raja-Raja Melayu dan orang Melayu
- II Menyekat hak dan kebebasan kaum bukan Melayu
- III Kaum bukan Melayu tidak lagi layak menjadi warganegara
- IV Meneruskan dasar perlindungan British terhadap negeri-negeri Melayu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17. Apakah matlamat perjuangan Parti Komunis Malaya yang ditubuhkan pada 30 Aoril 1930 di Kuala Pilah, Negeri Sembilan?

- A Memonopoli kekayaan hasil bumi
- B Menggulingkan penjajah British
- C Memerdekakan Tanah Melayu
- D Menentang penjajah Jepun

18. Apakah yang dilakukan oleh pengganas komunis untuk melumpuhkan ekonomi di Tanah Melayu semasa darurat?

- A Membakar ladang kelapa sawit
- B Menyerang kawasan lombong
- C Membakar rumah penduduk
- D Mengugut orang ramai

19. Siapakah pengerusi Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum yang ditubuhkan pada Januari 1949?

- A E.E.C. Thuraisingham
- B Tunku Abdul Rahman
- C Dato' Onn Jaafar
- D Tan Cheng Lock

20. Apakah portfolio kekal di bawah pentadbiran British?

- A Hal Ehwal Ekonomi
- B Hal Ehwal Dalam Negeri
- C Pertanian dan Perhutanan
- D Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancang Bandar

21. Penyataan berikut merujuk kepada sistem pendidikan di Tanah Melayu.

Semasa penjajahan British, terdapat lima jenis sistem pendidikan vernakular di Tanah Melayu.

Apakah cabaran yang dihadapi selepas kemerdekaan?

- A Merenggangkan hubungan antara kaum
- B Gagal meningkatkan taraf pendidikan rakyat
- C Membantutkan perkembangan ekonomi negara
- D Menimbulkan masalah keselamatan dalam negara

22. Apakah matlamat utama pelaksanaan Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956?

- A Meningkatkan taraf pendidikan
- B Menjamin pembangunan modal insan
- C Melahirkan tenaga kerja yang mencukupi
- D Memupuk perpaduan rakyat berbilang kaum